

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Sunday, August 13, 2017 4:24 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Staf - Pesara UUM
Subject: Menteri Pendidikan Tinggi Puji Pencapaian UUM Pada Mesyuarat Pasca Kabinet KPT



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



13 OGOS 2017 / 20 ZULKAEDAH 1438H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Seksyen Media

MENTERI PENDIDIKAN TINGGI PUJI PENCAPAIAN UUM PADA MESYUARAT PASCA KABINET KPT



UUM ONLINE: Putrajaya - Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Idris Jusoh telah merakamkan ucapan tahniah kepada UUM di atas pencapaian yang diperoleh bagi bulan Jun hingga September 2017 pada Mesyuarat Pasca Kabinet Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Jumaat lalu.

Naib Canselor, Prof Dato' Seri Dr Mohamed Mustafa Ishak membentangkan pencapaian UUM meliputi kejayaan sulung UUM tersenarai dalam QS World University Rankings Top 50 Under 50 yang mana UUM berada dalam kelompok 101-150 terbaik dunia, 44 terbaik Asia, ke-9 terbaik di Asia Tenggara dan ke-6 terbaik di Malaysia.

Beliau turut memaparkan kejayaan UUM dalam THE World University Rankings 2017 Top 250 Asia-Pacific yang mana UUM berada dalam kelompok 200+ terbaik di Asia-Pacific.

Selain itu, Naib Canselor juga membentangkan kejayaan OYAGSB dalam usaha mendapatkan akreditasi EQUIS bagi melengkapkan agenda Triple Crown, selain akreditasi AACSB dan AMBA yang

mana kini kedudukan UUM adalah setaraf Universiti Malaya (UM) dengan pencapaian akreditasi Double Crown tersebut.

Antara lain kejayaan yang diperoleh UUM menerusi OYAGSB adalah akreditasi ABEST21 dan satu-satunya sekolah perniagaan siswazah dengan Triple Certification Agenda iaitu SR10, ISO14001:2015 dan ISO9001:2015.

Tidak ketinggalan perkongsian pencapaian UUM terlibat dalam keahlian antarabangsa seperti Chartered management Institute (CMI), European Doctoral Association in Management and Business Administration (EDAMBA) dan Chartered Association of Business Schools (CABS), sekali gus menjadikan UUM sebagai universiti pertama di Malaysia menjadi ahli pertubuhan antarabangsa itu.

Selain pencapaian dalam akreditasi dan penglibatan dalam pertubuhan antarabangsa, UUM juga turut diiktiraf di persada dunia dengan penganugerahan Best Islamic Finance Education Provider 2017 melalui Global Islamic Finance Award (GIFA) buat kali ketiga.

Seterusnya, kerjasama industri antara UUM dengan UMW Grantt telah membolehkan UUM menerima dana sebanyak RM350,000, penawaran geran penyelidikan sebanyak RM150,000 dan pelantikan sebagai pengedar rasmi minyak pelincir Grantt kepada UPSB (kini Uni Clean & Hygiene).

Dari aspek kejayaan modal insan pula, UUM turut melaksanakan Summer Gap Year pada tahun ini dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menerusi program Gap Year, pembukaan Manager's Coffee kedua di Pulau Langkawi dan juga kejayaan menjadi johan (Kategori Pengurusan) dalam Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) Peringkat Universiti Awam Kali Ke-13.

Hadir sama pada pembentangan itu ialah Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Mary Yap Kain Ching; Ketua Setiausaha KPT, Tan Sri Dr Noorul Ainur Mohd Nur; Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Tinggi, Datin Paduka Ir Dr Siti Hamisah Tapsir dan pegawai-pegawai kanan KPT.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.